

08/06/1999

KDNK diramal tumbuh 2.3 peratus

PERTUMBUHAN Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) Malaysia bagi suku kedua 1999 diunjur mencapai 2.3 peratus dalam keadaan ekonomi semasa yang memberangsangkan.

Firma sekuriti, SG Securities dalam analisis terbarunya, berkata ini boleh dicapai berikutan persekitaran semasa iaitu dengan kadar inflasi dan kadar faedah yang rendah, pertumbuhan eksport dan import lebih baik serta tahap pengeluaran dan pengagihan pinjaman lebih tinggi.

Menurutnya, walaupun angka terkini KDNK suku pertama tahun ini hanya dijadualkan dikeluarkan akhir bulan ini, Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sebelum ini menyatakan penguncupan lebih kecil iaitu pada 1.5 peratus adalah dijangkakan.

Firma itu berkata, keadaan itu turut disokong oleh kedudukan perdagangan luar yang mencatatkan lebihan perdagangan RM6.25 bilion pada April dan RM6.52 bilion pada Mac.

Butiran terperinci perdagangan luar negara yang dikeluarkan pada 4 Jun lalu menyatakan lebihan itu dicapai hasil pertumbuhan kukuh eksport dan import dengan import mencatat pertumbuhan positif dalam mata wang ringgit untuk pertama kali sejak Julai 1998.

Dalam mata wang dolar Amerika, eksport adalah lebih baik dan ini bermakna tahap pengeluaran kukuh terutama dalam sektor elektronik.

Menurut SG Research, petanda yang memberangsangkan ialah pertumbuhan positif import dalam kedua-dua mata wang ringgit dan dolar.

"Import barangan pengguna pada April yang meningkat 2.53 peratus tahun ke tahun berbanding -1.66 peratus pada Mac dan -3.49 peratus pada April tahun lalu, menandakan permintaan domestik kembali pulih," katanya.

Menurutnya, ini selari kaji selidik sentimen pengguna yang dijalankan oleh Institut Penyelidikan Ekonomi Malaysia (Mier) yang menunjukkan pengguna semakin optimis.

Ini adalah ekor tekanan inflasi dan kadar faedah semakin mereda, walaupun masih wujud kebimbangan mengenai pendapatan kewangan dan unjuran kadar pengangguran.

Import produk elektronik dan elektrik utama juga semakin meningkat, misalnya injap dan tiub termionik masing-masing mencatat pertumbuhan 22.7 peratus dan 6.8 peratus bulan ke bulan dalam mata wang Amerika.

Selain itu, import kelengkapan pejabat dan produk pemprosesan data automatik masing-masing berkembang pada 7.8 peratus dan 10.4 peratus.

"Jumlah import tinggi menandakan pengeluaran menambah stok untuk tujuan pengeluaran," katanya.

Kaji selidik Persekutuan Pekilang-Pekilang Malaysia (FMM) turut menyatakan industri pembuatan secara am dan tahap keuntungan syarikat dijangka terus bertambah baik dalam suku kedua 1999.

(END)